

29/01/2002

KL memang mahu isu air segera diselesai: PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia sejak awal lagi mengajak Singapura menyegerakan rundingan di peringkat pegawai bagi menyelesaikan butiran berhubung pelbagai isu dua hala, khususnya soal bekalan air ke republik itu.

Perkara itu ditegaskan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini sebagai mengulas kenyataan pegawai Kementerian Luar Singapura semalam yang mahukan Malaysia menyatakan pendirian berhubung penyelesaian isu itu yang masih tertangguh.

Perdana Menteri berkata, kelewatan mengadakan rundingan itu hanya menyebabkan Malaysia menanggung kerugian setiap hari berikutan kadar lama harga air mentah ke Singapura masih tidak berubah ke tahap yang lebih adil.

"Ya, kita mahu mengadakannya (rundingan). Mereka (Kerajaan Singapura) memang tahu benar bahawa Kerajaan Malaysia mahu perbincangan diadakan di antara pegawai.

"Pegawailah yang perlu merundingkan semua butiran perkara berkenaan," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Hari Pelanggan dan Hari Kualiti Kementerian Kewangan.

Semalam, pegawai Kementerian Luar Singapura mendakwa Malaysia tidak menjawab beberapa surat berhubung penyelesaian isu berkenaan secara pakej, termasuk yang terakhir pada 10 Disember lalu.

Pegawai itu juga mendakwa Singapura sebenarnya mengalami kerugian kerana kos merawat 1,000 gelen air mentah adalah RM2.40.

Malaysia kini membekalkan air mentah kepada Singapura pada kadar tiga sen untuk setiap 1,000 gelen dan republik itu pula menjual balik air yang dirawat pada kadar 50 sen untuk setiap 1,000 gelen berdasarkan perjanjian 1961 dan 1962.

Dalam pertemuan di sini September lalu, Dr Mahathir dan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, mencapai persetujuan lisan berhubung pelbagai isu termasuk menaikkan kadar air mentah kepada 45 sen bagi setiap 1,000 gelen.

Mengulas lebih lanjut, Perdana Menteri berkata, Malaysia sudah membuat tawaran harga yang munasabah kepada Singapura berhubung kadar bagi bekalan air mentah ke negara itu, tetapi ditolak.

Tanpa mahu menyatakan kadar yang ditawarkan itu, Dr Mahathir berkata ia berpatutan dan lebih rendah berbanding kadar yang dikenakan negara lain.

"Apa yang kita tahu, kita mengenakan kadar tiga sen untuk 1,000 gelen air mentah. Kita juga tahu negara seperti Hong Kong membeli air mentah daripada tanah besar China pada harga RM8 bagi setiap 1,000 gelen.

"Ternyata kita dibayar terlalu rendah dan lebih lama rundingan berlarutan, lebih banyak wang yang kita akan hilang," katanya.

Ditanya apakah Singapura membuat keuntungan daripada kadar air sekarang, Dr Mahathir berkata: "Mereka jual pada harga 50 sen dan ambil wang itu untuk bayar harga tiga sen. Saya tidak tahu, saya rasa mereka membuat keuntungan."

Mengenai hubungan dua hala Malaysia dan Singapura berikutan masalah terbaru itu, Dr Mahathir yakin ia tidak akan terjejas.

"Saya rasa tidak. Hubungan kita boleh jadi baik tetapi perkara sedemikian perlu diselesaikan," katanya.

(END)